

'PESTA' LALA BULUH

■ Pantai Sungai Mengkuang jadi lokasi tarikan baru



ORANG ramai membanjiri kawasan Pantai Sungai Mengkuang untuk mencuba nasib mencari lala buluh.

Oleh Zul Ikhwan Muhammad
am@hmetro.com.my

Endau

Pantai Sungai Mengkuang di sini, pula menjadi lokasi tarikan baru orang ramai sejak beberapa hari lalu apabila lala buluh ditemui naik ke darat selepas fenomena Pantai Mempisang di Serinkin dinaiki kepaah minggu lalu.

Walaupun terpaksa berpanas, penduduk setempat mengambil kesempatan mengutip hidupan laut itu untuk dijadikan hidangan dan ada juga yang mahu menjualnya.

Malah, keadaan air laut yang surut pada waktu petang memudahkan lagi mereka yang berkunjung untuk mencari lala buluh yang sudah berada di darat itu.

Difahamkan, hidupan laut berkenaan biasanya sukar didapati dan kadang kala hanya ada kira-kira dua atau tiga tahun sekali menyebabkan harga hidupan laut itu

boleh mencecah RM15 sekilogram.

Sudirman Esa, 37, berkata dia sekeluarga pulang ke kampung semata-mata tidak mahu terlepas peluang mendapatkan lala buluh itu selepas membaca berita hidupan laut itu di media sosial.

"Saya ke sini selepas membaca berita di media sosial bahawa lala buluh ini naik ke darat dan saya terus datang bersama keluarga untuk mengambilnya dijadikan hidangan makan malam nanti.

"Saya mencuba nasib saja mencari gonggong ini untuk dijadikan hidangan makan malam dan memperkenalkan bentuk dan cara mendapatkan hidupan laut ini kepada isteri," katanya yang menggunakan lidi dicelup kapur sirih untuk memudahkan mengeluarkan lala buluh.

Noremi Salim, 40, berkata, dia mendapat sekilogram gonggong itu selepas lebih sejam mencarinya dan mela-

kukannya sekadar memenuhi masa lapang.

"Saya mahu cuba menjualnya kepada sesiapa yang menunggu di tepi pantai ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohd Salleh Kamarudin berkata, fenomena lala buluh atau nama saintifiknya *ensis arcuatus* naik ke darat itu dikategorikan sama seperti yang berlaku kepada hidupan laut kepaah sebelum ini.

Beliau berkata, lala buluh dan kepaah adalah daripada keluarga yang sama iaitu *bivalvia* (mempunyai dua cengkerang).



SEORANG kanak-kanak menunjukkan lala buluh yang berjaya diperolehnya.